

'Tunjuk perasaan tak boleh turunkan PM'

BERITA HARIAN 20 JUL 2025 m/s: 3

Batu Kawan: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata tunjuk perasaan bukan kaedah untuk membuat seseorang Perdana Menteri meletakkan jawatan, sebaliknya ia perlu dilakukan menerusi usul di Parlimen.

Perdana Menteri berkata, tunjuk perasaan juga bukan jalan sah mengikut Perlembagaan untuk membuatkan Perdana Menteri meletakkan jawatan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak berhasrat menghalang rakyat berhimpun untuk tujuan sedemikian memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi

“Siapa kata tak boleh tukar kerajaan? Speaker (Dewan Rakyat) Tan Sri Dr Johari Abdul sebut bawa usul di Parlimen, (jika) hilang sokongan Perdana Menteri harus letak jawatan (tapi) tak boleh sebab tiada sokongan (sebelum ini).

“Tunggu pilihan raya sebab apa tak sabar? Kemudian nak buat apa? Saudara ingat dengan

tunjuk perasaan Perdana Menteri boleh letak jawatan? Saya tak mahu halang (tunjuk perasaan) kerana kita negara demokrasi,” katanya berucap merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 di Stadium Negeri Pulau Pinang di sini, semalam.

Anwar berkata, semua pihak harus mengambil pendekatan ke arah menyelesaikan masalah serta menyifatkan perbuatan menghasut dan membenci antara satu sama lain hanya dikhuatiri menimbulkan ketegangan dan menggugat keharmonian masyarakat di negara ini.

Beliau turut menggesa semua pemimpin menggalas tanggungjawab membangunkan negara dan menggunakan kuasa yang diberi bukan semata-mata untuk keuntungan diri sendiri tetapi membantu dan membela kepentingan rakyat.

“Jangan apabila ada kuasa sibuk cari harta apabila tiada kuasa merengek sepanjang masa. Cadangan saya sementara ada kuasa manfaatkan untuk jaga ra-

kyat, kalau mahu negara aman stabil mesti bersatu mesti harmoni ini soal survival negara jadi saya harap kita kemukakan masalah dengan maksud menyelesaikan,” katanya.

Tambahnya, usaha mempertahankan perpaduan mesti dikembalikan kerana ia menjadi kekuatan utama negara apatah lagi Malaysia terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum serta tidak hanya mewakili bangsa terbesar Melayu, Cina dan India tetapi juga etnik minoriti seperti Bidayuh, Kadazan dan Iban yang perlu dirangkul secara adil dan saksama.

Beliau berkata, Malaysia dihormati pada peringkat antarabangsa dengan Persidangan ASEAN baru-baru ini menyaksikan Kuala Lumpur menjadi lokasi rundingan pemimpin-pemimpin dunia misalnya antara Menteri Luar Amerika Syarikat (AS) dan Menteri Luar China selain Menteri Luar Russia dan Menteri Luar AS yang kali pertama berunding mengenai

isu sempadan.

“Negara kita diiktiraf kerana keamanannya ini kerana jasa tentera, polis, khidmat penjawat awam dan rakyat lebih matang kerana tidak menerima perpecahan. Apabila negara aman, politik menjadi stabil dan apabila negara itu stabil namanya harus serta dapat menarik pelaburan menyebabkan ekonomi berkembang.

“Orang luar mula iktiraf keupayaan kita bukan sahaja terletak kepada Perdana Menteri, menterinya, Ketua-Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah harus dapat membawa satu mesej yang baik jadi saya mahu mengingatkan, membangun itu mengambil waktu, merobohnya senang sekali,” katanya.

Katanya, beliau turut kerap mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin negeri, ketua-ketua jabatan termasuk turun padang meliputi dari Perlis hinggalah ke Sabah dan Sarawak bagi menyelesaikan masalah rakyat.